

23/05/2004

Kerajaan perlu awasi kebajikan pekerja asing: Dr M

KUALA LUMPUR: Kerajaan dan agensi berkaitan perlu mengawasi keadaan dan kebajikan pekerja asing di negara ini bagi mengelakkan kes penderaan, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, penderaan terhadap pekerja asing terutamanya membabitkan pembantu rumah tidak harus dibiarkan berlaku di negara ini.

"Kes seperti ini berlaku di mana-mana saja, bukan saja Malaysia. Ia amat mengecewakan, namun perlu ada pihak yang mengawasi keadaan mereka ini ketika bekerja di sini.

"Mungkin satu laporan semasa mengenai keadaan mereka akan dapat membendung jenayah penderaan terhadap pekerja asing ini," katanya pada sidang media selepas melawat Planetarium Negara di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai kes pembantu rumah warga Indonesia, Nirmala Bonat, 19, yang cedera teruk seluruh badan, termasuk kedua-dua payu dara ditekap dengan seterika panas sehingga melecur, berkudis dan bernanah, dipercayai didera isteri majikannya.

Dalam kunjungan ke Planetarium Negara sebelum itu, Mahathir yang diiringi Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Jamaludin Jarjis diberi taklimat ringkas oleh Ketua Pengarah Agensi Angkasa Kebangsaan, Prof Datuk Dr Mazlan Othman.

(END)